

02/09/2002

KMB cemerlang peringkat dunia

Syuhada Choo Abdullah

KOLEJ Mara Banting (KMB) menyerlahkan lagi kecemerlangan pendidikan negara pada peringkat antarabangsa apabila mencatat pencapaian terbaik dalam peperiksaan diploma program International Baccalaureate (IB) bagi sesi Mei 2002.

Lebih membanggakan lagi, pencapaian itu mendapat perhatian khusus dan pujian daripada Pengarah IB Asia-Pasifik, John Goodban, sendiri menerusi surat yang dihantar kepada Pengetua KMB, Matias de Menezes, baru-baru ini.

Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Mohd Mydin Mohd Sheriff, berkata dalam surat itu, Goodban mengucapkan tahniah atas pencapaian cemerlang pelajar KMB dalam peperiksaan berkenaan.

Katanya, Goodban juga menyatakan bahawa pencapaian itu secara keseluruhannya bukan saja wajar diberi perhatian serta pujian, malah adalah keputusan terbaik yang tidak dicapai oleh mana-mana sekolah utama seluruh dunia dalam peperiksaan berkenaan.

Dalam peperiksaan itu, beliau berkata, kesemua 127 calon dari KMB berjaya memperoleh kelulusan 100 peratus dengan skor diploma purata 39 mata (daripada skor maksimum 45 mata) dan skor gred subjek individu mencatatkan 6.23 berbanding gred maksimum tujuh.

Mohd Mydin berkata, salinan surat daripada Goodban sudah dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang turut menyatakan kegembiraan atas kejayaan cemerlang itu.

"Pencapaian cemerlang pelajar KMB ini amat memberangsangkan, lebih-lebih lagi peperiksaan berkenaan bertaraf antarabangsa yang turut diduduki oleh calon dari serata dunia, selain diadakan dalam bahasa Inggeris serta disemak di Switzerland.

"Kejayaan ini ialah hasil kegigihan usaha serta komitmen warga KMB secara keseluruhan, termasuk pengetua, guru dan pihak pengurusan, selain pelajar sendiri yang mempunyai keazaman dan keyakinan diri tinggi untuk mencapai kecemerlangan.

"Faktor lain yang turut menyumbang kepada kejayaan ini, antaranya ialah persekitaran kolej amat kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran serta tahap disiplin tinggi semua pihak terbabit," katanya kepada Berita Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sejak 1992, KMB mengendalikan program IB yang bertaraf diploma dengan tempoh pengajian selama dua tahun dan pelajarannya adalah lulusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Secara umum, program IB adalah pengajian pra-universiti bertaraf antarabangsa yang turut dijalankan banyak sekolah utama di seluruh dunia. Kurikulum IB mempunyai pendekatan menyeluruh, mencabar dan merangsang intelektual pelajar serta memberi latihan formal berfikir secara kritis dan berupaya membuat penilaian.

Mohd Mydin berkata, selain memuatkan kurikulum yang padat dan menyeluruh dengan menitikberatkan Theory of Knowledge, program IB juga mewajibkan pelajar menghasilkan satu kertas penyelidikan mengandungi 3,000 patah perkataan.

Selain itu, katanya, pelajar program berkenaan perlu menjalani khidmat masyarakat, termasuk di institusi kebajikan seperti rumah kanak-kanak istimewa dan orang tua, bertujuan memberi kesedaran serta keinsafan kepada mereka.

Hasil daripada program sedemikian, beliau berkata, pelajar terbabit akan lebih bersemangat untuk membantu pihak lain yang memerlukan bantuan dan

pertolongan serta pada masa sama mereka sentiasa bersyukur.

Sebenarnya, beliau berkata, ini bukanlah kali pertama pelajar program IB di KMB berjaya menyaingi calon dari negara lain, sekali gus mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan diploma berkenaan.

"Daripada 127 pelajar itu, seramai 114 sudah menerima tawaran mengikuti bidang perubatan di universiti terkemuka seluruh dunia, termasuk Ireland, United Kingdom, Australia dan New Zealand, manakala 13 lagi dalam bidang kejuruteraan. Mereka dijadualkan berlepas pada September ini," katanya.